



## Piagam Kepelbagaian & Pemasukan Imerys

Kepelbagaian tempat kerja adalah gabungan perbezaan manusia yang kelihatan dan tidak kelihatan. Perbezaan ini mungkin mempengaruhi pekerja dalam sikap, tingkah laku, nilai dan cara mereka bekerja dalam persekitaran profesional mereka, tetapi tidak terhad kepada jantina, umur, kewarganegaraan, kerakyatan, etnik, status agama, latar belakang pendidikan, orientasi seksual, keupayaan mental dan fizikal, status perkahwinan dan ibu bapa, atau hubungan politik.

Di Imerys, kami berusaha mengiktiraf, menerima and menghargai perbezaan, memupuk persekitaran yang inklusif berdasarkan saling hormat menghormati dan maruah.

Dengan kehadiran aktif di seluruh dunia, kepelbagaian warga Imerys adalah salah satu aset terkuat kami. Kami berhasrat untuk menerima kepelbagaian ini dan memudahkan pemasukan dalam semua dimensinya untuk menjadi Kumpulan yang menarik bagi tenaga kerja yang pelbagai, untuk memupuk persekitaran inovasi dan kreativiti, untuk membantu meningkatkan keputusan perniagaan dan dengan itu mendorong budaya berprestasi tinggi.

Piagam Kepelbagaian dan Pemasukan ini menggariskan komitmen dan tanggungjawab Imery untuk mencapai dan menghargai kepelbagaian dan pemasukan di seluruh Kumpulan kami.

Di bawah Piagam ini kami komited untuk:

- **Menggalakkan budaya berdasarkan penghormatan dan penghargaan bersama**, iaitu nilai dan sumbangan setiap individu dialu-alukan dan diiktiraf.
- **Membangunkan program** yang menumpukan kepada mencapai kepelbagaian yang lebih besar serta pemasukan di peringkat global dan tempatan.
- Menghormati dan menggalakkan **prinsip tanpa diskriminasi dan peluang yang sama rata** dalam semua aspek operasi kami, khususnya mengenai pengurusan sumber manusia.
- **Bekerja bersama untuk menghapuskan sebarang halangan atau bias yang tidak disedari** yang boleh bertentangan dengan budaya kepelbagaian dan pemasukan yang ingin kami pupuk.
- **Berkongsi komitmen kami dengan terbuka** kepada kepelbagaian dan pemasukan dan **harapan kami** terhadap tanpa diskriminasi, memastikan tidak ada ruang untuk sebarang bentuk pembulian, gangguan atau tingkah laku yang memecah belah atau terbuka kepada salah tafsir.



Kami akan pastikan semua pihak yang berkepentingan kami, dalaman dan luaran, **maklum terhadap objektif kami** dan **keputusan yang praktikal** daripada komitmen kolektif kami, sentiasa mengkaji kepelbagaian dan prestasi pemasukan kami dalam kitaran penambahbaikan yang berterusan.

Alessandro DAZZA  
Ketua Pegawai Eksekutif  
17 Februari 2020

